

## PRESS RELEASE

### **CCBD Puts Competition Principles at the Centre of Public Procurement**

1. The Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) recently conducted a workshop entitled “*Workshop on Synergies Between Competition Policy and Public Procurement*” on 31 January 2026 at the Ministry of Finance and Economy, signalling its commitment to fostering a pro-business environment by enhancing efficient market conduct and promoting overall productivity, innovation and competitiveness of markets in Brunei Darussalam.
2. The workshop was organised in collaboration with the International Trade Centre (ITC) under the EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package – Trade (SCOPE – Trade), and was attended by the Chairpersons and Members of CCBD and the Competition Appeal Tribunal, as well as officers and representatives from the State Tender Board, Mini Tender Boards across ministries, and other relevant government agencies.
3. The workshop was officially opened by the Chairman of CCBD, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, who underscored the importance of public procurement as a key area of government responsibility and its close connection with competition law in safeguarding public resources. He highlighted that effective procurement practices, when aligned with competition principles, help prevent anti-competitive conduct, support open and competitive markets, and contribute to sustainable economic development.
4. The Chairman also noted that the workshop was timely in the context of Brunei Darussalam’s economic diversification efforts under Wawasan 2035 and the Brunei Darussalam Economic Blueprint, underscoring the importance of a whole-of-government approach and close inter-agency collaboration in advancing competition enforcement and sound public procurement practices.
5. Following the opening address, Ms. Ravini Gunasekera from the ITC delivered her introductory remarks outlining the objectives of the SCOPE - Trade programme and its support for strengthening competition policy and public procurement practices in ASEAN Member States, including Brunei Darussalam.
6. Against this backdrop, the workshop focused on how competition principles can support transparent, fair, and efficient public procurement systems, including by addressing risks such as bid-rigging and collusion, while promoting value for public funds and a level playing field for suppliers.

7. In this regard, the workshop featured contributions from international experts in the fields of competition law and public procurement, including Mrs. Alison Jones, Professor of Law at King's College London, and Mr. Robert Anderson, competition expert from ITC, who participated virtually. The programme also included an online session with Ms. Hara Nikolopolou, Vice-President of the Hellenic Competition Commission, who shared her authority's experience in addressing bid-rigging in public procurement in Greece.

8. The organisation of the workshop forms part of CCBD's ongoing efforts to strengthen inter-agency understanding and cooperation on competition-related issues, recognising that effective competition enforcement and sound procurement frameworks require a whole-of-government approach.

#### **About the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD)**

The CCBD enforces the Competition Act (Chapter 253) in Brunei Darussalam, which prohibits anti-competition agreements, abuse of a dominant position, and anti-competitive mergers that have resulted, or may be expected to result, in a substantial lessening of competition within any market in Brunei Darussalam for goods and services that are prohibited.

For more information, please visit [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) or contact the CCBD Executive Secretariat at [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn).

## PRESS RELEASE

### **CCBD Tekankan Prinsip Persaingan dalam Perolehan Awam**

1. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) telah mengadakan satu bengkel bertajuk “*Workshop on Synergies Between Competition Policy and Public Procurement*” pada 31 Januari 2026 bertempat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, selaras dengan peranan CCBD dalam menyokong persekitaran perniagaan yang kondusif melalui penggalakan amalan pasaran yang berdaya saing dan cekap, serta usaha memperkukuh produktiviti, inovasi dan daya saing pasaran di Negara Brunei Darussalam.
2. Bengkel tersebut telah dianjurkan melalui kerjasama antara International Trade Centre (ITC) di bawah EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package – Trade (SCOPE – Trade), dan telah dihadiri oleh Pengerusi-Pengerusi dan Ahli-ahli CCBD serta Tribunal Rayuan Persaingan, di samping pegawai-pegawai dan wakil-wakil daripada Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Kecil di kementerian-kementerian, serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.
3. Bengkel berkenaan telah dirasmikan oleh Pengerusi CCBD, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, yang menekankan kepentingan perolehan awam sebagai satu fungsi utama Kerajaan serta peranannya dalam melindungi kepentingan dan penggunaan sumber awam secara berhemat. Beliau turut menjelaskan bahawa penerapan prinsip persaingan dalam perolehan awam dapat membantu mencegah amalan anti-persaingan, menyokong pasaran yang terbuka dan berdaya saing, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan.
4. Pengerusi CCBD turut menjelaskan bahawa penganjuran bengkel ini adalah selaras dengan usaha kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam di bawah Wawasan 2035 dan Pelan Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam, dengan menekankan kepentingan pendekatan whole-of-government serta kerjasama yang erat antara agensi-agensi berkaitan dalam memperkukuh penguatkuasaan undang-undang persaingan dan amalan perolehan awam yang baik.
5. Sejurus selepas ucapan perasmian, Ravini Gunasekera daripada ITC telah menyampaikan ucapan pengenalan yang menggariskan objektif Program SCOPE – Trade serta sokongan program tersebut dalam memperkukuh pelaksanaan dasar persaingan dan amalan perolehan awam di negara-negara ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam.
6. Sehubungan itu, bengkel ini memfokuskan kepada bagaimana prinsip persaingan dapat menyokong sistem perolehan awam yang telus, adil dan cekap, termasuk melalui pengenalan serta pengurusan risiko amalan seperti penipuan bidaan (*bid-rigging*) dan pakatan sulit, di samping menggalakkan nilai terbaik bagi perbelanjaan awam serta medan persaingan yang adil bagi pembekal.

7. Bengkel ini turut menampilkan sumbangan daripada pakar-pakar antarabangsa dalam bidang undang-undang persaingan dan perolehan awam, termasuk Alison Jones, Profesor Undang-Undang dari King's College London, serta Robert Anderson, pakar persaingan daripada ITC, yang menyertai bengkel ini secara dalam talian. Selain itu, satu sesi dalam talian Bersama Hara Nikolopolou, Naib Presiden Suruhanjaya Persaingan Greece (*Hellenic Competition Commission*), telah diadakan bagi berkongsi pengalaman pihak berkuasa tersebut dalam menangani amalan penipuan bidaan (*bid-rigging*) dalam perolehan awam di Greece.

8. Penganjuran bengkel ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CCBD untuk memperkukuh pemahaman serta kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan mengenai isu-isu berkaitan persaingan, dengan mengambil kira bahawa penguatkuasaan undang-undang persaingan yang berkesan dan rangka kerja perolehan yang mantap memerlukan pendekatan *whole-of-government*.

#### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD)**

CCBD menguatkuasakan Akta Persaingan (Bab 253) di Negara Brunei Darussalam, yang melarang perjanjian anti-persaingan, penyalahgunaan kedudukan dominan, serta penggabungan anti-persaingan yang telah berlaku, atau mungkin dijangka berlaku, dalam persaingan yang banyak berkurangan di dalam mana-mana pasaran di Negara Brunei Darussalam bagi barang-barang atau perkhidmatan yang dilarang.

Untuk makluman lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau menghubungi Sekretariat Eksekutif CCBD melalui emel [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn).